



**MOTIF PENGLIBATAN DAN CORAK ORIENTASI MATLAMAT
PEMAIN BOLA TAMPAR**

MEGAT NASURUDIN BIN HAJI AHMAD



**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI
MEMENUHI SEBAHAGIAN SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN**

**FAKULTI SAINS KOGNITIF DAN PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2004





PENGAKUAN

Saya mengaku karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya

03.05.04

MEGAT NASURUDIN BIN HAJI AHMAD
9920008





PENGHARGAAN

“Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang”

Alhamdulillah, bersyukur saya ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah rahmat dan izin-NYA, tesis ini dapat dapat disempurnakan dengan jayanya walaupun menempuh perjalanan yang panjang dengan penuh berliku dan mencabar.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Prof. Madya Dr. Haji Shaharuddin bin Abd. Aziz selaku penasihat akademik dan penyelia tesis ini atas bimbingan, teguran dan pandangan yang amat berharga dalam menjayakan tesis ini dari mula hingga selesai. Segala tunjuk ajar dan pengalaman bersama beliau akan dijadikan panduan dan pengajaran yang berguna dalam bidang psikologi sukan dan penulisan akademik nanti.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga saya ucapkan kepada Dr. Ahmad bin Hashim selaku Ketua Jabatan Sains Sukan, UPSI dan keluarganya yang banyak memberi nasihat, dorongan, kritikan dan bimbingan tanpa sempadan dari mula hingga tesis ini dapat dihasilkan. Kesabaran dan komitmen beliau yang berpanjangan bagi membantu usaha saya menyiapkan tesis ini amatlah dihargai dan memantapkan saya dalam mengerti nilai kemanusiaan dan mewarnai dunia penulisan dalam penyelidikan.

Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Perak, Pejabat Pendidikan Daerah Batang Padang, pengetua-pengetua sekolah menengah yang terlibat, pengurus-pengurus, jurulatih-jurulatih dan pemain-pemain bola tampar di Daerah Batang Padang yang telah memberi kerjasama yang sepenuhnya dalam menjayakan kajian ini.

Saya juga merakamkan penghargaan kepada pihak UPSI yang memberi peluang dan ruang untuk saya menimba ilmu dalam menghadapi gelombang ilmu tanpa sempadan. Terima kasih yang tidak terhingga kepada Puan Zauyah binti Daud, Pengetua SMK Khir Johari dan rakan-rakan yang telah banyak bertolak ansur, memberi kerjasama dan semangat dalam membantu menjayakan pengajian saya ini.

Akhir sekali, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada kedua-dua ibu bapa, isteri yang tercinta dan anak-anak yang tersayang kerana terpaksa mencuri masa kalian demi menjayakan tesis ini. Kejayaan ini ditujukan khas buat keluarga tercinta. Dorongan, sokongan dan semangat yang diberikan amat bermakna bagi membantu meringankan tekanan yang dihadapi sehingga tesis ini dapat disempurnakan dengan jayanya.

Akhirnya kepada semua yang terlibat dalam menyempurnakan tesis ini, hanya Allah yang dapat membalas jasa dan sumbangan kalian.

Terima kasih.

MEGAT NASURUDIN BIN HAJI AHMAD

03 MEI 2004





DEDIKASI

Buat Kedua-dua Ayahanda dan Bonda,

Adinda Zainab binti Haji Mohamad Razalli,

Anakanda,

**Puteri Nur Nazihah,
Megat Najmudin,
Megat Najmi Hakim,
Puteri Zulaikha**

Terima kasih atas pengorbanan, sokongan dan doa kalian.....





Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Fakulti Sains Kognitif Dan Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris sebagai memenuhi sebahagian syarat bagi mendapat Ijazah Sarjana Pendidikan.

MOTIF PENGLIBATAN DAN CORAK ORIENTASI MATLAMAT PEMAIN BOLA TAMPAR

Oleh

MEGAT NASURUDIN BIN HAJI AHMAD

MEI 2004

Penyelia : Prof. Madya Dr. Haji Shaharuddin bin Abd. Aziz

Fakulti : Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia

Tujuan penyelidikan ini ialah mengenalpasti motif penglibatan dan corak orientasi matlamat di kalangan pemain bola tampar sekolah menengah (N=192, 96 lelaki dan 96 perempuan) di daerah Batang Padang pada tahun 2004. Kajian juga meneliti perkaitan di antara kedua-dua pembolehubah. Instrumen kajian menggunakan soal selidik 'Participation Motivation Questionnaire' (PMQ) dan 'Task Ego Orientation Sport Questionnaire' (TEOSQ). Data dianalisis menggunakan program SPSS Versi 11.0 dengan menggunakan kaedah statistik diskriptif (peratus, kekerapan, min dan sisihan piawai) dan statistik inferensi (ujian-t dan Kolerasi Pearson). Dapatan kajian menunjukkan motif utama penglibatan ialah faktor 'perkembangan kemahiran' dan 'kecergasan fizikal'. Hasil kajian juga mendapati terdapat perbezaan yang signifikan antara jantina dan motif penglibatan 'faktor persekitaran'. Responden lebih cenderung kepada corak orientasi matlamat tugas daripada matlamat ego. Hasil kajian mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara corak orientasi matlamat dengan dimensi utama motif 'pencapaian/status', 'semangat berpasukan', 'perkembangan kemahiran', 'persahabatan', 'keseronokan', 'pembebasan tenaga' dan 'faktor persekitaran'.





Abstract of thesis presented to the Faculty Science Cognitive and Human Development, Sultan Idris Educational University in partial fulfillment of the requirements for the Degree of Master of Educational.

THE MOTIVE OF PARTICIPATION AND TYPE OF GOAL ORIENTATION IN VOLLEY BALL PLAYERS

By:

MEGAT NASURUDIN BIN HAJI AHMAD

MEI 2004

Supervisor : Associate Prof. Dr. Haji Shaharuddin bin Abd. Aziz

Faculty : Science Cognitive and Human Development

The purpose of this study is to identify participation motive and goal orientation among secondary school volley ball (N=192, 96 boys, 96 girls) from Batang Padang District in 2004. This study also investigated the interrelationship between these two variables. The instruments of this study are 'Participation Motivation Questionnaire' (PMQ) and 'Task Ego Orientation Sport Questionnaire' (TEOSQ). The analysis of data was made by SPSS Versi 11.0 program within descriptive method (percentage, frequency, mean and standard deviation) and inference method (t- test and Pearson Correlation). The findings showed that the main motive participation is 'to improve skills' and 'physical fitness'. The results showed that there is significant difference between gender for the participation motive 'environment factor'. Respondents were found to be more inclined towards task orientation rather than ego orientation. The results from the study showed that there was significant interrelationship between goal orientation type with the main motive 'achievement/status', 'team spirit', 'to improve skills', 'friendship', 'have fun', 'energy release' and 'environment factor'.





KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
DEDIKASI	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI JADUAL	xiii

BAB 1 PENGENALAN

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Pernyataan Masalah	9
1.3	Kepentingan Kajian	12
1.4	Objektif Kajian	15
1.5	Persoalan Kajian	16
1.6	Delimitasi Kajian	17
1.7	Limitasi Kajian	18
1.8	Definisi Operasional	19

BAB 2 SOROTAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	22
-----	------------	----





2.2	Latar Belakang Motif Penglibatan	25
2.3	Konseptual Teorites Motif Penglibatan	31
2.3.1	Teori Maslow	32
2.3.2	Teori Desakan (Drive Theory)	35
2.3.3	Teori Penilaian Kognitif (Cognitive Evaluation Theory)	37
2.3.4	Teori Keberkesanan Bandura (Bandura Theory of Self Efficacy)	39
2.4	Latar Belakang Orientasi Matlamat	44
2.5	Konseptual Teorites Berkaitan Orientasi Matlamat	49
2.5.1	Teori Pencapaian/ Teori Keinginan Pencapaian (Mc Clelland dan Atkinson Theory)	49
2.5.2	Teori Persepsi Kebolehan Nicholls	53
2.6	Kajian-Kajian Lampau Berkaitan Motif Penglibatan	55
2.6.1	Perbandingan Jenis Sekolah Terhadap Motif Penglibatan	58
2.6.2	Perbezaan Pengalaman Dan Pencapaian Dalam Sukan Terhadap Motif Penglibatan	60
2.6.3	Perbezaan Jantina Terhadap Motif Penglibatan	61
2.6.3	Motif penglibatan Terhadap Aspek Budaya	64
2.7	Kajian-Kajian Berkaitan Orientasi Matlamat	66
2.8	Kajian Perkaitan Antara Motif Penglibatan dan Orientasi Matlamat	69
2.9	Rumusan Kajian Berkaitan	72



BAB III METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	75
3.2	Reka Bentuk Kajian	75
3.3	Kerangka Konseptual Kajian	78
3.4	Populasi dan Sampel Kajian	80
3.4.1	Sampel Kajian	81
3.5	Lokasi Kajian	82
3.6	Instrumen Kajian	82
3.6.1	Bahagian A: Maklumat Demografi Responden	85
3.6.2	Bahagian B: Soal Selidik Motif Penglibatan (PMQ)	85
3.6.3	Bahagian C: Soal Selidik Orientasi Matlamat Penyertaan (TEOSQ)	87

05-4506832 **3.7 Kebolehpercayaan dan Kesahan Instrumen Kajian** **89**

3.8	Kajian Rintis	91
3.9	Prosuder Pengumpulan Data	94
3.9.1	Prosedur Teknikal	95
3.9.2	Prosuder Lapangan	96
3.10	Penganalisan Data	97
3.10.1	Analisis Diskriptif	97
3.10.2	Analisis Inferensi	97

BAB IV DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	100
4.2	Latar Belakang Responden	101



4.3	Keseluruhan Motif Penglibatan Responden	103
4.4	Motif Penglibatan Utama	105
4.5	Keseluruhan Orientasi Matlamat Penyertaan	106
4.6	Corak Orientasi Matlamat	108
4.7	Motif Penglibatan Responden Berdasarkan Jantina dan Etnik	108
4.8	Corak Orientasi Matlamat Responden Berdasarkan Jantina Dan Etnik	117
4.9	Perkaitan Antara Motif Utama Penglibatan dan Corak Orientasi Matlamat	120

BAB V PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	127
5.2	Perbincangan	128
5.3	Kesimpulan	139
5.4	Cadangan	142

RUJUKAN	150
----------------	------------

LAMPIRAN

A	Contoh Soal Selidik Kajian	161
B	Surat Kebenaran Kajian Daripada Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan Dasar Pendidikan	168
C	Surat Kebenaran daripada Jabatan Pendidikan Negeri Perak	170
D	Jadual Penentuan Kerja	172



SENARAI JADUAL

Jadual		Muka Surat
Jadual 3.1	Bilangan Saiz Sampel Pemain Berdasarkan Jantina dan Etnik	81
Jadual 3.2	Kategori Respon Atlet Terhadap Motif Penglibatan	86
Jadual 3.3	Pecahan Item Soal Selidik Bahagian B (PMQ)	87
Jadual 3.4	Kategori Respon Atlet Terhadap Corak Orientasi Matlamat	88
Jadual 3.5	Pecahan Item Soal Selidik Orientasi Matlamat Penyertaan (TEOSQ)	89
Jadual 3.6	Bilangan Saiz Sampel Pemain Berdasarkan Jantina Dan Etnik Dalam Kajian Rintis	93
Jadual 3.7	Nilai Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	94
Jadual 3.8	Ringkasan Pemilihan Statistik Bagi Menjawab Persoalan Kajian Ary. et. al (2002)	99
Jadual 4.1	Taburan Responden Mengikut Jantina, Umur, Pengalaman Bermain dan Tahap Penglibatan	102
Jadual 4.2	Analisis Min dan Sisihan Piawai Item Motif Penglibatan	104
Jadual 4.3	Motif Utama Penglibatan Pemain Bola Tampar	106
Jadual 4.4	Analisis Min dan Sisihan Piawai Item Orientasi Matlamat Penyertaan Secara Keseluruhan	107
Jadual 4.5	Corak Orientasi Matlamat Penyertaan Pemain Bola Tampar	108
Jadual 4.6	Analisis Min dan Sisihan Piawai Motif Penglibatan Berdasarkan Jantina Pemain Bola Tampar	109

Jadual 4.7	Analisis Ujian t Motif Penglibatan Antara Pemain Lelaki dan Perempuan	110
Jadual 4.8	Analisis Min dan Sisihan Piawai Motif Penglibatan Berdasarkan Etnik Pemain Bola Tampar	113
Jadual 4.9	Analisis Perbandingan Motif Penglibatan Pemain Melayu dan Cina	114
Jadual 4.10	Analisis Min dan Sisihan Piawai Orientasi Berdasarkan Jantina Pemain Bola Tampar	117
Jadual 4.11	Analisis Perbandingan Corak Orientasi Matlamat Antara Pemain Lelaki dan Perempuan	118
Jadual 4.12	Analisis Min dan Sisihan Piawai Corak Orientasi Matlamat Berdasarkan Jantina Pemain Bola Tampar	119
Jadual 4.13	Analisis Perbandingan Corak Orientasi Matlamat Pemain Melayu dan Cina	120
Jadual 4.14	Analisis Perkaitan Antara Motif Utama Penglibatan Dan Corak Orientasi Matlamat Pemain Bola Tampar	114
Jadual 4.15	Kategori Tahap Hubungan Oleh Johnson dan Nelson: (1988)	122
Jadual 4.16	Analisis Kolerasi Pearson - Perkaitan Antara Motif Utama Penglibatan Dan Corak Orientasi Matlamat Pemain Bola Tampar	123

SENARAI RAJAH

Rajah		Muka Surat
Rajah 2.1	Teori Hiraki Keperluan Maslow	33
Rajah 2.2	Model Konseptual Teori Bandura	42
Rajah 2.3	Teori Keperluan Pencapaian	51
Rajah 3.1	Kerangka Konseptual Kajian Motif Penglibatan Dan Corak Orientasi Matlamat	79
Rajah 3.2	Model Proses Penggunaan Instrumen Kajian	84



BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Slogan 'Malaysia Cergas', 'Sukan Untuk Semua', 'Sukan Untuk Atlet Prestasi Tinggi'

dan membudayakan sukan kepada masyarakat merupakan Dasar Sukan Negara yang

menuju ke arah usaha untuk menggalakkan rakyat melibatkan diri dalam sukan dan aktiviti fizikal. Orang ramai terutamanya golongan remaja seharusnya merebut peluang ini bertepatan dengan saranan UNESCO (1993) iaitu peluang untuk melibatkan diri dalam sukan dan aktiviti fizikal merupakan hak asasi bagi setiap orang meliputi berbagai golongan, seperti golongan wanita, kanak-kanak, para belia, orang tua, orang 'istimewa' dan juga orang yang kurang berkemampuan dari segi ekonomi. Lantaran itu, pada era ini didapati penglibatan dalam sukan dan aktiviti fizikal telah berjalan begitu pesat di kalangan rakyat Malaysia tanpa mengira peringkat umur, jantina, status ekonomi, kedudukan geografi, bahasa, budaya, kesempurnaan anggota atau sifat diri dan sebagainya.





Sukan dan aktiviti fizikal sangat penting dan mempunyai peranannya tersendiri kepada masyarakat. Selalunya 'penglibatan dalam sukan' dikaitkan dengan pemahaman umum yang sempit iaitu motif dan matlamat bertanding untuk mendapat hadiah atau ganjaran. Sebenarnya fungsi dan peranan sukan itu sangat luas, ianya bukan setakat menambahkan kesejahteraan hidup dan kesihatan, malahan memainkan peranan yang penting dalam menangani masalah sosial, menjana dan merangsang ekonomi dan melahirkan insan yang kamil dari segi kualiti kehidupan. Pandangan dan kefahaman masyarakat tentang peranan sukan telah berubah. Sukan tidak lagi dianggap sebagai hobi, riadah atau pun kecergasan fizikal semata-mata tetapi satu bentuk disiplin untuk merealisasikan aspirasi dan objektif negara dan seterusnya membentuk satu kepribadian nasional.



Dari aspek kesejahteraan psikologikal, sukan juga berperanan dalam mengurangkan kebimbangan, depresi dan tekanan. Ia juga memberi kesan positif terhadap seseorang dari segi penghargaan diri dan menampakkan kecekapan fizikal serta penawar stres (DeMarco & Sydney 1989). Justeru itu, penglibatan individu dalam sukan mendatangkan kesan yang positif dari aspek kesihatan dan kesejahteraan mental, emosi dan fizikal kepada pelaku.

Menurut Hilmer (1998) dari sudut kesepaduan sosial, penglibatan dalam sukan dan aktiviti fizikal dapat menyatupadukan dan mengintegrasikan sesuatu masyarakat. Sukan juga memperkenalkan kesamaan dalam penglibatan dan menambahkan nilai sosial dan matlamat seperti kuat bekerja, main bersih (fair play), pembentukan karakter serta semangat berpasukan. Sukan yang kreatif akan meningkatkan komitmen sesebuah komuniti, meningkatkan perhubungan





persaudaraan dan kecenderungan yang besar untuk menerima peranan pemimpin. Dari segi pembelajaran pula, sukan juga dapat meningkatkan pembelajaran dan penambahan produktiviti. Peningkatan faedah psikologikal yang berpunca daripada sukan dan aktiviti fizikal, ianya memberi banyak impak kepada bidang-bidang lain. Kajian Tremblay, Inman & Wilms (1998), dan James (1995), menunjukkan bahawa individu yang selalu aktif dalam membuat demonstrasi pembelajaran menghasilkan peningkatan prestasi akademik dan mereka lebih suka menghabiskan masa di sekolah.

Penglibatan dalam sukan dan aktiviti fizikal banyak mendatangkan manfaat secara langsung atau tidak langsung kepada pengamalnya dari aspek ekonomi, sosial, kebudayaan dan persekitarannya. Oleh yang demikian, melalui penglibatan dalam sukan menghasilkan saluran keluar yang positif untuk mendorong melibatkan diri dengan kegiatan berfaedah dan mengurangkan tingkah laku yang sia-sia seperti lepak dan suka membuang masa dengan aktiviti yang tidak mendatangkan faedah. Sukan juga memelihara etika dan mengamalkan demokrasi serta meningkatkan toleransi bangsa. Ini membuktikan bahawa sukan sebagai alat yang berkesan untuk membawa perubahan kepada manusia dan komuniti (Commonwealth Games Associated of Canada, 2001). Oleh yang demikian, sukan memainkan peranan yang penting dalam menjana pembangunan kesihatan mental, jasmani, emosi, sosial dan rohani manusia dalam menuju kesejahteraan hidup yang berkualiti. Kesimpulannya peranan sukan sangat luas dan bermakna kepada kehidupan sejagat dalam dunia era globalisasi.

Negara kita mempunyai kesedaran yang tinggi terhadap peranan sukan dan impaknya kepada rakyat iaitu ingin melahirkan rakyat Malaysia yang sihat dan cergas agar mempunyai daya saing yang tinggi bagi menghadapi cabaran tahun 2020 seperti





mana terkandung dalam Wawasan 2020. Justeru itu penglibatan yang maksimum daripada rakyat sangatlah diharapkan bagi merealisasikan matlamat wawasan ini. Keprihatinan kerajaan dalam hal ini, dengan tertera cetusan bahawa Perdana Menteri Malaysia yang ke-4 telah meletakkan kepentingan sukan pada tahap yang tinggi menerusi 'Wawasan 2020'. Pernyataan dalam wawasan 2020 menetapkan bidang sukan hendaklah mendapat peruntukkan dan layanan yang sama seperti dengan sektor pertanian, pendidikan dan kesihatan (Kamalul, 1999). Oleh yang demikian adalah diharapkan menjelang tahun 2020 mutu sukan negara dapat ditingkatkan dan mencapai kejayaan yang cemerlang setanding dengan negara-negara yang maju.

Kejayaan dalam bidang sukan dapat dicapai melalui pembangunan sukan dari akar umbi iaitu di peringkat sekolah lagi. Ini bertepatan dengan kehendak Falsafah Pendidikan Negara yang ingin melahirkan pelajar yang seimbang dari aspek jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1998). Sehubungan itu, pihak yang bertanggungjawab dengan hal ehwal sukan dan aktiviti fizikal seharusnya memberi perhatian, peluang dan ruang yang sewajarnya kepada warga Malaysia terutamanya para pelajar supaya dapat melibatkan diri secara holistik dan optimum dalam merencanakan perkembangan sukan Malaysia agar pencapaiannya setanding dengan negara-negara Barat.

Bagi penglibatan dan penyertaan rakyat yang menyeluruh dalam sukan, kerajaan sanggup membelanjakan wang yang begitu besar bagi menyediakan prasarana dan kemudahan sukan semata-mata untuk menggalakkan semua warga Malaysia bersukan dan beriadah. Malahan kerajaan dan persatuan-persatuan sukan pula sanggup menawarkan untuk menjadi tuan rumah kepada kejohanan sukan yang





bertaraf antara bangsa seperti Sukan Komenwealth, Sukan Asia, Sukan SEA, kejohanan Bola Sepak Dunia Remaja, Kejohanan Hoki Dunia, Formula 1 dan lain-lain kejohanan yang bertaraf antarabangsa. Ini menunjukkan keprihatinan kerajaan terhadap keberkesanan dan input yang diperoleh melalui sukan. Sehubungan itu, bagi rakyat Malaysia khususnya golongan belia atau pelajar sekolah seharusnya mengambil peluang melibatkan diri dalam aktiviti sukan dengan optimum berdasarkan kesanggupan kerajaan dan pihak swasta melabur dengan begitu banyak demi kemajuan sukan negara dan intragrasi nasional.

Berdasarkan kefahaman tentang peranan dan faedah yang diperoleh melalui sukan, maklumat motif penglibatan remaja amat relevan bagi menyokong pembangunan sukan di Malaysia. Ini memandangkan golongan remaja atau pelajar sekolah merupakan aset dalam kemajuan sukan negara kerana mereka merupakan generasi pelapis yang bakal memikul cabaran sukan tanah air. Oleh itu, golongan remaja atau pelajar sekolah perlu diberi perhatian yang khusus kerana golongan ini merupakan pasukan pelapis bagi menentukan kejayaan dan kegemilangan sukan negara. Justeru itu, semua pihak yang terbabit dengan perancangan dan pelaksanaan sukan perlu mengenal pasti apakah sebenarnya motif penglibatan dan corak matlamat pelajar melibatkan diri dalam sukan.

Pelajar sekolah atau golongan belia merupakan aset negara pada masa hadapan dan perlu diberi perhatian yang serius terutamanya kepada golongan belia yang bermasalah. Oleh itu, golongan remaja merupakan sebahagian masyarakat yang sangat penting dan perlu diberi perhatian yang sewajarnya (Biddle, 1997). Menurut Collingwood (1997), golongan belia yang bermasalah selalunya tinggal dalam





persekitaran yang negatif dan kurang kemahiran serta nilai untuk membantu mereka menjadi ahli masyarakat yang berguna. Melalui sukan, ianya memberi kesan positif kepada golongan belia dari segi aspek kesihatan psikologikal, kesihatan fizikal, perhubungan kekeluargaan, pengaruh rakan sebaya, prestasi akademik, memberi motivasi untuk berjaya dalam hidup serta menyediakan persekitaran sosial untuk melepaskan tingkah laku agresif semasa pertandingan (Silva, 1991). Oleh itu satu pendekatan dari aspek psikologi sukan mesti dikenal pasti dan dilaksanakan untuk mengkaji motif penglibatan dan corak orientasi matlamat mengapa para remaja melibatkan diri dalam aktiviti sukan.

Gill, Gross dan Huddleston (1983), menyenaraikan lapan faktor utama motif penglibatan remaja dalam sukan iaitu 'kecergasan', 'persekitaran', 'semangat berpasukan', 'pencapaian / status', 'peningkatan kemahiran', 'lepaskan tenaga', 'keseronokan' dan 'persahabatan'. Dengan mengetahui faktor-faktor motif penglibatan remaja dalam sukan, ini akan memberi impak kepada perkembangan dan kemajuan sukan di sekolah, masyarakat dan negara.

Ketika ini terdapat ramai remaja yang melibatkan diri dalam aktiviti sukan. Walau bagaimanapun masih terdapat sesetengah remaja yang menarik diri atau berhenti dari meneruskan penglibatannya dalam sukan dan ada juga di antara mereka yang tidak menyertai langsung aktiviti sukan. Menurut Wann (1977), isu-isu mengapa remaja melibatkan diri, menarik diri dan tidak langsung melibatkan diri dalam aktiviti sukan perlu diberi perhatian oleh para pengkaji sains sosial. Mungkin isu-isu tersebut berkaitan rapat dengan pencapaian individu dalam sukan. Lantaran itu, Nicholls (1989) menyarankan perlu diadakan pengukuran penyertaan sukan dari perspektif





matlamat pencapaian bagi memahami dan menilai apakah matlamat sebenar penyertaan individu itu dalam sukan. Sehubungan itu, Robert (1992) mencadangkan dua dimensi pencapaian berasaskan matlamat iaitu orientasi matlamat tugas (*task orientation*) dan orientasi matlamat ego (*ego orientation*) perlu diberi perhatian dalam mengkaji tujuan penyertaan dalam sukan.

Menurut Nicholls (1984), individu yang berorientasikan matlamat tugas selalunya mementingkan penguasaan kemahiran dan tidak membandingkan pencapaiannya dengan orang lain. Manakala individu yang berorientasikan ego hanya mementingkan pencapaian dengan membandingkan kejayaannya dengan orang lain atau pihak lawanya tanpa ada usaha untuk meningkatkan kemahiran. Oleh yang demikian, isu-isu ini menjadi tumpuan ahli psikologi sukan untuk mencari jalan bagaimana untuk meningkatkan motivasi remaja untuk melibatkan diri dalam aktiviti sukan. Justeru itu, satu kajian dalam konteks budaya Malaysia perlu diberi perhatian untuk mengenalpasti terhadap motif penglibatan dan orientasi matlamat remaja Malaysia dalam sukan khususnya di peringkat sekolah.

Di sekolah rendah dan menengah, para pelajar diwajibkan menyertai aktiviti kokurikulum seperti mengambil bahagian dalam pasukan unit beruniform, kelab dan persatuan serta permainan. Dalam bidang sukan dan permainan, pelajar dikehendaki melibatkan diri dalam mana-mana jenis permainan yang diminati atau yang telah ditetapkan oleh pihak sekolah. Pelajar juga berpeluang menunjukkan minat dan mengembangkan bakat mereka dalam sukan dengan mewakili pasukan rumah sukan atau sekolah dalam pertandingan sukan dan permainan yang dianjurkan oleh pihak sekolah dan Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Daerah (MSSD) masing-masing. Pelajar



yang mempunyai bakat dan berpotensi cemerlang berpeluang mewakili pasukan daerah dan negeri masing-masing. Majlis Sukan Sekolah-sekolah Malaysia (MSSM), Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Negeri (MSSN) dan Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Daerah (MSSD) telah dipertanggungjawabkan untuk merancang dan memantau perjalanan aktiviti sukan di sekolah agar selari dengan hasrat Kementerian Belia dan Sukan Malaysia. Justeru itu, badan-badan sukan ini mempunyai peranan yang besar seperti 'kilang' dalam melahirkan dan menjana atlet yang cemerlang agar dapat memikul cabaran negara pada peringkat antarabangsa kelak. Oleh itu, didapati setiap tahun beribu-ribu pelajar melibatkan diri dalam sukan yang dipertandingkan pada peringkat sekolah, daerah, negeri dan kebangsaan. Namun begitu tidak diketahui dengan jelas apakah sebenarnya motif dan matlamat penyertaan pelajar dalam aktiviti sukan yang dianjurkan oleh sekolah dan persatuan-persatuan sukan lain.

Pada masa kini, prestasi sukan negara di peringkat antarabangsa secara keseluruhannya amat membimbangkan jika dibandingkan dengan prasarana dan kemudahan infrastruktur serta ganjaran yang disediakan oleh kerajaan dan pihak swasta. Mungkin ini disebabkan oleh pertentangan motif dan matlamat penyertaan di antara atlet dan pihak yang bertanggungjawab dalam sukan. Justeru itu, motif utama penglibatan dan corak orientasi matlamat pelajar sebenar seharusnya dikenalpasti bagi membantu mereka mencapai kejayaan yang cemerlang pada peringkat yang lebih tinggi lagi. Penglibatan pelajar dalam sukan di sekolah merupakan sebagai tapak semaian bagi menanam dan menyuburkan bakat dan potensi agar matlamat sukan prestasi tinggi setanding dengan negara-negara maju.

Permainan yang selalu dipertandingkan di peringkat sekolah dan daerah ialah seperti bola sepak, bola tampar, bola jaring, sepak takraw, badminton, olahraga, bola keranjang, hoki, tenis, bola baling dan sebagainya. Permainan ini dipertandingan secara individu dan berpasukan. Pelajar boleh memilih jenis sukan yang digemari untuk aktiviti kokurikulum, sukan dan riadah sekolah bagi mendapatkan keseronokan, kepuasan, kecergasan dan memenuhi masa lapang selaras dengan kehendak Falsafah Pendidikan Negara. Justeru itu, satu kajian yang mendalam perlu dilakukan untuk mengetahui apakah motif utama pelajar melibatkan dalam sukan dan corak orientasi matlamat mereka dalam aktiviti sukan tersebut. Sehubungan itu, dalam kajian ini penyelidik memfokuskan motif penglibatan pemain bola tampar sekolah menengah di daerah Batang Padang serta hubungannya dengan corak orientasi matlamat penyertaan mereka dalam permainan bola tampar.

1.2 Pernyataan Masalah

Aktiviti fizikal dapat meningkatkan keberkesanan aspek kesihatan dan fizikal golongan remaja melalui sukan dan Pendidikan Jasmani (Zahariadis dan Biddle, 2001). Atas dasar ini, pihak sekolah selalunya memberi sokongan terhadap penglibatan pelajar dalam sukan sebagai satu perkara yang penting dan perlu diberi perhatian ke arah mewujudkan pelajar yang seimbang. Isu penglibatan remaja dalam sukan menunjukkan perlunya usaha yang lebih untuk memahami motivasi remaja melibatkan diri dalam aktiviti fizikal di sekolah pada masa depan. Menurut (Weiss dan Chaumeton, 1992), kebanyakan kajian penglibatan remaja dalam sukan diperihai dan dikendalikan dalam suasana bukan persekitaran sekolah. Berdasarkan senario ini, penyelidik ingin memfokuskan aspek psikologikal iaitu motivasi



penglibatan dan corak orientasi matlamat yang dapat memainkan peranannya ke arah mendorong dan menggalakkan pelajar melibatkan diri dalam sukan atau pun sebaliknya di peringkat sekolah.

Aspek psikologikal telah dikenalpasti sebagai faktor yang sangat penting untuk mengkaji motif golongan pelajar melibatkan diri dalam sukan. Sehubungan itu, pendekatan psikologi sukan dari aspek motivasi perlu diberi perhatian dan diaplikasikan oleh guru Pendidikan Jasmani, jurulatih, pengamal sukan serta pentadbir sekolah ke atas motif dan matlamat penyertaan pelajar. Ini bertujuan untuk mengkaji dan menganalisis bagi memahami mengapa para pelajar melibatkan diri dalam aktiviti sukan sama ada di sekolah atau di luar sekolah serta apakah orientasi matlamat tugas atau ego mereka yang sebenarnya. Dapatan daripada kajian ini, amat berguna bagi guru Pendidikan Jasmani, jurulatih dan pentadbir sukan di sekolah untuk mengenal pasti motif dan matlamat pelajar bergiat dalam sukan serta mencari kekuatan dan kelemahan sesuatu program sukan dari aspek motivasi penglibatan. Dengan mengetahui motif utama pelajar melibatkan diri dalam sukan, ianya membantu jurulatih, guru dan pentadbir menyediakan persekitaran optima untuk menarik penyertaan pelajar dalam sukan (Alderman, 1976). Penekanan betapa pentingnya penglibatan ibu bapa dan guru sukan agar terus menyemai dan memupuk minat pelajar sekolah dalam bersukan kerana mereka merupakan aset yang berharga dalam menuju kecemerlangan sukan negara.

Setakat ini belum ada kajian yang serius di Malaysia untuk mengetahui mengapa para pelajar melibatkan diri dalam sukan dalam aspek motivasi penglibatan. Clews dan Gross (1998), menegaskan perlu diadakan kajian mengenai faktor-faktor



motivasi dalam sukan supaya dapat menolong pengamal sukan lebih memahami mengapa seseorang itu terlibat dalam sukan, menarik diri atau berhenti bersukan. Hasil kajian ini nanti, sekurang-kurangnya dapat membantu para pengamal sukan termasuk jurulatih untuk mengenalpasti apakah motif dan matlamat utama dari aspek psikologi sukan. Kebanyakan jurulatih, guru dan pentadbir sukan tidak memahami dengan tepat apakah motif dan matlamat yang sebenarnya para pelajar sanggup datang ke sekolah pada waktu petang atau sanggup menghadapi latihan yang berat serta mencabar. Adakah mereka ini semata-mata ingin mengembangkan bakat dan minat dalam sukan dan permainan di sekolah atau pun mungkin ada motif dan matlamat yang lain disebaliknya.

Penglibatan pelajar dalam sukan adalah menjadi tanggung jawab semua pihak.

Sebaik-baiknya, jangan biarkan para pelajar bersendirian atau terawang-awang semasa mereka mula melibatkan diri atau mula berjinak-jinak dalam sukan. Ewing (1993) menegaskan, para pemimpin, jurulatih dan ibu bapa perlu memainkan peranan yang penting bagi menggalakkan penyertaan remaja dalam sukan. Menurut Ewing, pada peringkat ini proses membajai dan menyuburkan bakat serta kebolehan pelajar dalam sukan perlu dilakukan dengan sebaik-baiknya agar minat mereka berterusan dan meningkatkan motivasi supaya remaja ini berjaya sehingga ke peringkat lebih tinggi.

Masalah yang dihadapi oleh jurulatih, guru Pendidikan Jasmani, pentadbir dan pengamal sukan ialah tidak tahu secara tepat dan menyeluruh apakah motif sebenar pelajar mula berkecimpung dan melibatkan diri dalam aktiviti sukan khususnya bola tampar. Sedangkan sebagaimana yang diketahui peranan sukan amat luas dan berkesan dalam menyumbang ke arah perkembangan dan pertumbuhan jasmani,

rohani, intelek, emosi dan sosial pelajar selaras dengan kehendak Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Sekiranya pihak yang terlibat secara langsung dalam sukan tidak mengetahui motif sebenar pelajar melibatkan diri dalam sukan, ini mungkin membantut kehendak dan matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan serta fungsi dan peranan sukan itu. Kegagalan tersebut disebabkan oleh tiada kajian yang serius oleh penyelidik tempatan untuk mengkaji motif penglibatan dan matlamat pelajar yang sebenar dalam sukan khususnya permainan bola tampar. Oleh itu, dengan mengenal pasti motif-motif penglibatan dan matlamat pelajar dalam sukan terutama bola tampar dapat membantu ibu bapa, pengamal psikologi sukan, jurulatih, organisasi sukan serta pentadbir sekolah untuk menarik dan memupuk minat pelajar dalam sukan, seterusnya meningkatkan prestasi dan memfokuskan matlamat mereka pada landasan yang betul. Secara tidak langsung, mutu permainan bola tampar Malaysia dapat ditingkatkan setanding dengan pasukan negara-negara lain khususnya pada peringkat Asia Tenggara.

Berdasarkan masalah tersebut, penyelidik telah mengenal pasti instrumen 'Motif Penglibatan' (PMQ) oleh Gill, Gross dan Huddleston (1983) bagi mengukur motif penglibatan dan instrumen 'Corak Orientasi Matlamat' (TEOSQ) oleh Duda dan Nicholl (1989) bagi mengukur orientasi matlamat ego dan tugas pelajar lelaki dan perempuan dalam permainan bola tampar bawah 18 tahun peringkat Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Daerah Batang Padang. Berdasarkan item soalan dalam instrumen tersebut, penyelidik dapat mengetahui apakah motif utama penglibatan pelajar dalam permainan bola tampar dan apakah corak orientasi matlamat penyertaan mereka itu.

1.3 Kepentingan Kajian

Tujuan kajian ini ialah untuk mengenal pasti motif penglibatan dan orientasi matlamat penyertaan pelajar dalam pertandingan bola tampar bawah 18 tahun peringkat Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Daerah Batang Padang berdasarkan soal selidik yang disediakan oleh penyelidik. Maklum balas mengenai motif penglibatan, corak orientasi matlamat penyertaan serta hubungan antara kedua-dua pembolehubah ini dapat membantu jurulatih, guru Pendidikan Jasmani, pihak pentadbir sekolah dan pengelola permainan serta ibu bapa mengetahui tahap motivasi pelajar. Keputusan dapatan dari kajian ini, dapat memberi gambaran sebenar tentang aspek motivasi pelajar dari sudut motif utama penglibatan dan corak matlamat penyertaan dalam pertandingan bola tampar anjuran MSSD Batang Padang. Berdasarkan maklumat yang diperoleh ini, penyelidik dapat mengetahui faktor-faktor utama penglibatan dan corak matlamat penyertaan pelajar dalam pertandingan bola tampar. Hasil dapatan ini dapat memberi keyakinan dan sokongan moral yang tinggi kepada pemain itu sendiri serta kepada pengamal sukan ke arah yang lebih dinamik.

Berdasarkan hasil kajian ini nanti membolehkan jurulatih, pentadbir sukan sekolah serta pengamal sukan menyedia dan memberikan latihan yang lebih sistematik dan menarik. Dengan adanya latihan yang sistematik akan dapat menarik minat pelajar supaya lebih berusaha untuk meninggikan lagi tahap motivasi serta orientasi matlamat yang sewajarnya dengan kebolehan mereka dalam mengejar kejayaan. Sehubungan itu, motif penglibatan pelajar selari dengan corak orientasi matlamat dalam memenuhi kepuasan diri mengikut kehendak masing-masing sambil memenangi sesuatu perlawanan. Dengan ini kehendak dan minat pelajar dapat dipenuhi berdasarkan apa yang mereka mahu lakukan dan bukannya diarah atau dipaksa untuk melakukannya

(Zahariadis dan Biddle, 2001). Sehubungan itu, hasil kajian ini dapat menunjukkan dengan lebih tepat dan jelas, apakah motif utama penglibatan pelajar dalam permainan bola tampar peringkat daerah Batang Padang, Perak Darul Ridzuan.

Menurut Macionis & Gerber, (1999), faktor jantina juga mempengaruhi dalam jenis pekerjaan yang disukai, jenis karier yang diceburi dan minat yang ditunjukkan dalam sesuatu perkara. Begitu juga dengan dunia sukan sekarang ini. Menurut Ogles, Masters & Richardson (1995), dapatan kajian yang lampau menunjukkan memang terdapat perbezaan dari segi motif penglibatan remaja lelaki dan perempuan dalam sukan. Oleh itu, keputusan dapatan daripada kajian ini sangat signifikan untuk menunjukkan gambaran keseluruhan terhadap motif penglibatan berdasarkan perbezaan jantina dan pengalaman di kalangan pemain bola tampar lelaki dan perempuan dalam daerah Batang Padang.

Pada masa kini, tidak ada kajian yang serius untuk mengetahui apakah motif penglibatan dan corak matlamat pemain bola tampar lelaki dan perempuan di Malaysia. Sedangkan dapatan ini amat penting dalam membangunkan sukan di kalangan remaja. Tambahan pula, amat jarang penyelidikan dibuat untuk mengkaji apakah corak matlamat yang sebenar penyertaan pelajar dalam sukan. Justeru itu, hasil daripada kajian ini dapat menjawab persoalan yang sering bermain di kalangan peminat dan pengamal sukan bahawa mengapa mutu permainan bola tampar lelaki lebih baik daripada pemain bola tampar perempuan?

Kebanyakan kajian yang telah dijalankan khususnya di negara-negara lain dan di Malaysia pada amnya hanya berfokuskan mengenai motif penglibatan dalam sukan

sahaja. Kajian dari segi aspek corak orientasi matlamat atau pembolehubah-pembolehubah yang lain dijalankan secara berasingan. Justeru itu, kajian ini membuka satu lembaran yang baru dalam mengenalpasti apakah motif sebenar pelajar melibatkan diri dalam sukan dan apakah matlamat sebenar pelajar menyertai sukan. Hubungkait kedua-dua pembolehubah ini dapat menjelmakan satu dimensi yang baru penyelidikan dalam bidang psikologi sukan di Malaysia. Hasil kajian ini dapat memberi maklum balas atau boleh digunapakai oleh pihak Kementerian Pendidikan khususnya Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Malaysia, Majlis Sukan Negara, pentadbir sekolah, para jurulatih, guru Pendidikan Jasmani serta pengamal sukan mengenai kepentingan aspek psikologi sukan dari sudut motif penglibatan dan corak orientasi matlamat pelajar terhadap peningkatan prestasi pemain. Dapatan kajian ini juga dapat memaklumkan kepada pihak-pihak yang berkenaan supaya membuat kajian yang lebih terperinci dan mengambil tindakan yang bersesuaian bagi mengenal pasti kaedah dan teknik latihan, kemudahan prasarana sukan, bentuk motivasi dan sebagainya di peringkat sekolah secara menyeluruh dalam merencanakan penyelidikan dan pembangunan sukan remaja di Malaysia.

1.4 Objektif Kajian

Permainan bola tampar merupakan salah satu bidang sukan yang semakin mendapat tempat dan perhatian para peminat sukan sama ada di sekolah, di tempat kediaman, tempat kerja serta meliputi kawasan bandar atau luar bandar. Sehubungan itu, kajian motif penglibatan dan corak orientasi matlamat di kalangan pemain bola tampar daerah Batang Padang telah dirancang dan dijalankan bagi tujuan mencapai objektif-objektif berikut:-



- i. Mengenal pasti motif penglibatan pemain bola tampar sekolah menengah di daerah Batang Padang dalam pertandingan Bola Tampar Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Daerah (MSSD) Batang Padang.
- ii. Mengenal pasti corak orientasi matlamat penyertaan pemain bola tampar sekolah menengah di daerah Batang Padang dalam pertandingan Bola Tampar MSSD Batang Padang.
- iii. Mengenal pasti motif utama penglibatan dan corak orientasi matlamat penyertaan pemain bola tampar sekolah menengah di daerah Batang Padang dalam menyertai pertandingan Bola Tampar MSSD Batang Padang.
- iv. Melihat perbezaan berdasarkan jantina dan etnik pemain terhadap motif penglibatan dan corak orientasi matlamat penyertaan pemain bola tampar sekolah menengah di Daerah Batang Padang dalam pertandingan bola tampar MSSD Batang Padang.
- v. Melihat perkaitan diantara motif utama penglibatan dengan corak orientasi matlamat di kalangan pemain bola tampar sekolah menengah di Daerah Batang Padang.



1.5 Persoalan Kajian

Berdasarkan kepada permasalahan kajian dan objektif yang telah dikenal pasti dalam kajian ini, penyelidik akan menjawab beberapa persoalan seperti berikut:-

- i. Apakah motif penglibatan keseluruhan pemain bola tampar sekolah menengah di Daerah Batang Padang dalam pertandingan bola tampar MSSD Batang Padang?
- ii. Apakah motif utama penglibatan pemain bola tampar sekolah menengah di Daerah Batang Padang ?
- iii. Apakah orientasi matlamat penyertaan pemain bola tampar sekolah menengah di Daerah Batang Padang dalam pertandingan bola tampar MSSD Batang Padang?
- iv. Adakah terdapat perbezaan motif penglibatan berdasarkan jantina pemain bola tampar sekolah menengah di Daerah Batang Padang?
- v. Adakah terdapat perbezaan motif penglibatan berdasarkan etnik pemain bola tampar sekolah menengah di Daerah Batang Padang?
- vi. Adakah terdapat perbezaan corak orientasi matlamat berdasarkan jantina pemain bola tampar sekolah menengah di Daerah Batang Padang?
- vii. Adakah terdapat perbezaan corak orientasi matlamat berdasarkan etnik pemain bola tampar sekolah menengah di Daerah Batang Padang?
- viii. Adakah terdapat perkaitan diantara motif utama penglibatan dan corak orientasi matlamat di kalangan pemain bola tampar sekolah menengah di daerah Batang Padang?

1.6 Delimitasi Kajian

- i. Kajian ini hanya melibatkan 192 pemain bola tampar (96 pemain lelaki dan 96 pemain perempuan) yang terdiri daripada pelajar sekolah menengah di daerah Batang Padang. Ianya mewakili populasi pemain bola tampar Daerah Batang Padang. Oleh yang demikian dapatan kajian ini tidak boleh digeneralisasikan kepada keseluruhan pemain bola tampar sekolah menengah negeri Perak dan Malaysia.
- ii. Instrumen penyelidikan yang digunakan dalam kajian ini adalah terbatas kepada soal selidik 'Participation Motivation Questionnaire' (Gill, Gross & Huddleston, 1983) dan soal selidik 'Task and Ego Orientation in Sport Questionnaire' (Duda dan Nicholas, 1989). Keputusan dan perbincangan dalam kajian ini adalah berpandukan soal selidik yang dijalankan ke atas subjek kajian sahaja. Oleh itu, subjek tidak berpeluang mengemukakan jawapan mereka sendiri berdasarkan motif penglibatan dan corak matlamat mereka.

1.7 Limitasi Kajian

Kajian motif penglibatan dan corak orientasi matlamat pemain bola tampar sekolah menengah di daerah Batang Padang berdasarkan limitasi berikut:-

- i. Sampel kajian ini hanyalah terbatas kepada pelajar lelaki dan perempuan sekolah menengah yang berumur di bawah 18 tahun sahaja.
- ii. Kejujuran dan kesungguhan subjek di dalam menjawab soal selidik kajian sukar dipastikan dan di luar kawalan penyelidik. Penyelidik mengandaikan

responden tidak dipengaruhi oleh individu lain ketika menjawab soalan-soalan yang dikemukakan dalam borang soal selidik. Oleh itu, pengalaman subjek di dalam menjawab item-item berbentuk soal selidik juga akan memberi kesan terhadap dapatan kajian.

- iii. Penyelidik mengandaikan responden memahami soalan-soalan yang dikemukakan dalam borang soal selidik yang diedarkan. Walau bagaimanapun responden akan diberi penerangan oleh penyelidik.

1.8 Definisi Operasional

Dalam kajian ini pelbagai terminologi dan konsep digunakan dalam konteks motif penglibatan dan orientasi matlamat pemain bola tampar sekolah menengah di Daerah

Batang Padang. Pengertian terminologi dan konsep dalam konteks kajian adalah seperti berikut:-

Motif

Motif juga sebagai alat, sumber, atau pun daya yang merangsang minat dan mampu mendorong seseorang untuk memulakan sesuatu aktiviti, mencapai matlamatnya dan seterusnya mengejar kejayaan yang lebih cemerlang (Singer, 1984).

Motivasi

Motivasi sebagai proses kebangkitan dalam diri individu yang membantu usaha mengarah serta mengekalkan perlakuan yang diinginkan (Wann, 1997) dan juga mengambil kira faktor arah serta intensiti usaha seseorang individu (Sage, 1977).

Motif Penglibatan

Motif penglibatan dalam bidang sukan bergantung kepada dua motif utama iaitu motif bersifat instrinsik atau dalaman seperti keinginan untuk memperbaiki pencapaian peribadi, meningkatkan tahap kesihatan, atau kerana faktor keseronokan. Manakala motif yang bersifat ekstrinsik atau luaran ialah seperti keinginan untuk mendapatkan ganjaran, penghormatan atau lain-lain perkara yang bersifat material (Shaharudin, 2001)

Motivasi Instrinsik

Motivasi yang timbul dari dalaman diri seseorang itu sendiri seperti kesedaran tentang potensi diri seseorang itu sendiri, kejayaan, kepuasan dan keseronokan untuk mengarahkannya melakukan sesuatu aktiviti dalam sukan (Chaumeton dan Weiss,

Motivasi Ekstrinsik

Motivasi ekstrinsik merupakan satu daya luaran yang membantu peningkatan serta penglibatan yang diperoleh daripada persekitaran luar guru, jurulatih, ibu bapa dan mendapat pengukuhan berbentuk pujian, pengiktirafan, wang, sijil serta medal (Wann, 1997).

Orientasi Matlamat

Orientasi matlamat menjelaskan bagaimana seseorang individu itu mendefinisikan kejayaannya (Hardy, Jones & Gould, 1996)

Orientasi Tugas

Orientasi tugas yang berlandaskan kepada kemampuan dan kemahiran melaksanakan sesuatu tugas yang diberi dan menganggap kejayaan yang dicapai apabila dapat meningkat dan memperbaiki kemahiran diri sendiri serta tidak membandingkan pencapaiannya dengan individu lain. (Duda, 1989).

Orientasi Ego

Orientasi ego berlandaskan kebolehan diri dengan membandingkan keputusan pencapaian mereka dengan orang lain iaitu kejayaan dicapai berdasarkan penghargaan dan status yang mereka perolehi (White & Duda, 1994) tetapi melibatkan usaha yang kurang daripada pihak lawan (Nicholls,1989).

Pemain Bola Tampar Bawah 18 Tahun Daerah Batang Padang

Pelajar yang berdaftar dan belajar di sekolah menengah sekitar Daerah Batang Padang yang bermain bola tampar untuk pasukan sekolah masing-masing yang menyertai pertandingan Bola Tampar anjuran MSSD Batang Padang. Pelajar yang lahir selepas 01 Januari 1986 dan berumur bawah 18 tahun pada tahun 2004.